

# Ekstremisme

UM 28 JUL 2002

Oleh ISMAIL DAUD  
dan NIZAM YATIM

KUALA LUMPUR 27 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ekstremisme berasaskan kaum di kalangan generasi muda negara ini semakin serius dan membimbangkan.

Beliau berkata, keadaan itu amat berbeza berbanding sebelum ini apabila penduduk daripada latar belakang berlainan dapat bercampur antara satu dengan lain.

Dr. Mahathir mengimbas pada zaman beliau dan pemimpin-pemimpin negara sekarang masih belajar, rakyat pada masa itu bercampur gaul dengan semua orang termasuk tinggal, bermain dan bekerja bersama, malah jiran beliau adalah orang Cina dan India.

"Tetapi sekarang generasi muda tidak rapat.... Okey, mungkin anda belajar di sekolah berlainan, tetapi sekurang-kurangnya bermainlah bersama, ada interaksi. Dengan ini barulah kita dapat membentuk interaksi yang lebih erat," ujarnya.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung tahunan MCA ke-49 di Wisma MCA di sini hari ini.

## Menyesuaikan

"Masa di universiti, saya duduk sebilik dengan pelajar Cina dan saya tidak menjadi kurang Melayu dan kurang Islam dan dia juga tidak kurang Cinanya hanya kerana kami duduk sebilik.

"Tetapi generasi muda sekarang tidak lagi mahu dekat antara satu kaum dengan kaum yang lain. Mereka tidak boleh duduk dalam bilik yang sama.

"Kemudian bila mereka habis belajar dan mahu bekerja dan mereka mendapati ketua dan rakan sekerjanya terdiri daripada kaum lain, mereka tidak boleh menyesuaikan diri," jelas beliau.

Menurut Dr. Mahathir lagi, hubungan yang semakin renggang itu diburukkan lagi dengan tindakan sesetengah pihak seperti Pas yang sengaja mengajar anak mereka supaya tidak bercampur dengan rakan dari kaum lain.

Katanya, walaupun mereka hendak undi daripada kaum tersebut ketika pilihan raya, setakat ini tidak ada tanda-tanda yang mereka mahu bekerja dengan kaum lain.

Beliau berkata, keadaan itu amat berbeza dengan BN yang telah bekerja secara bersama sejak sebelum merdeka lagi.

"Anda boleh lihat, saya pergi ke mesyuarat MCA dan saya mendapat sokongan sama seperti saya dapat dalam mesyuarat UMNO. Malah, mereka melaung-

■ Lihat muka 4

## UM 28 JUL 2002 Ekstremisme kaum serius

kan slogan 'Hidup Mahathir'.

"Anda bayangkan itu. Semasa saya dilantik menjadi Perdana Menteri dulu, semua orang kata, oh Tuhan apa akan jadi tetapi sekarang mereka kata, oh Tuhan, dia hendak letak jawatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, hubungan kaum yang semakin terhakis itu juga telah menyebabkan wujudnya lebih banyak kumpulan-kumpulan ekstremis dari semua kaum.

"Mereka ini tidak peduli dengan sensitiviti kaum lain dan apabila mereka bertindak dengan cara yang ekstrem, kaum yang lain juga akan bertindak dengan cara ekstrem juga. "Akhirnya keharmonian kaum di negara ini akan musnah dan kita akan berkonfrontasi dengan kaum lain. Akan timbul pelbagai masalah dan tekanan dan apa yang berlaku pada tahun 1969 mungkin boleh berlaku semula," jelasnya.

Justeru, tegas beliau, idea

penubuhan Sekolah Wawasan boleh membantu merapatkan hubungan antara kaum di negara ini selepas idea untuk mewujudkan hanya satu sistem persekolahan dibantah oleh banyak pihak.

"Kita sedang cuba di peringkat sekolah. Kalau tidak mahu mengadakan satu sistem persekolahan, kita cuba dekatkan kedudukan fizikal sekolah. Kemudian kita boleh bermain bersama dan berhimpun bersama tetapi kembali ke sekolah masing-masing.

"Tidak ada perubahan pada sistem sekolah tetapi ada pihak yang membantah walaupun kita hanya hendak mendekatkan kedudukan sekolah-sekolah. Jadi, mereka mempunyai lebih banyak masa untuk bersama dan berinteraksi supaya hubungan yang lebih rapat dapat dibina. Kita tidak buat ini untuk mana-mana kaum tetapi untuk kebaikan negara," jelasnya.

# kaum serius